

Headline	Yayasan AIDS Malaysia sasar kumpul RM500,000 daripada Kuching Gala		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	26 Oct 2016	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	14	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	376 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,438
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,315



**SOKONG KAMI:** (Dari kanan) Jasmin, Yazlan, Bob dan Premala pada sidang media mengenai penganjuran Kuching Gala Yayasan AIDS Malaysia.

# Yayasan AIDS Malaysia sasar kumpul RM500,000 daripada Kuching Gala

**KUCHING:** Yayasan AIDS Malaysia (YAM) menyasar mengumpul RM500,000 daripada penganjuran Kuching Gala pada 8 Disember depan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK).

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Kuching Gala Bob Yusof berkata hasil kutipan daripada majlis itu akan digunakan bagi menubuhkan pusat penjagaan kesihatan sehati untuk pesakit positif HIV/AIDS yang pertama di Sarawak.

Beliau berkata bahawa Sarawak dan Perlis masih belum mempunyai pusat sehati yang berfungsi sebagai pusat aktiviti, pemerkasaan serta kaunseling kepada pesakit positif HIV/AIDS.

Katanya keperluan untuk mewujudkan pusat itu di negeri ini tinggi memandangkan jumlah pesakit positif HIV

menunjukkan peningkatan ketara setiap tahun.

“Pusat ini akan menjadi pusat sehati dan kaunseling kepada pesakit yang positif HIV/AIDS di Sarawak lebih-lebih lagi yang berasal dari luar Kuching.

“Kita tahu ramai pesakit HIV/AIDS di Sarawak tidak berani berhadapan dengan umum kerana stigma yang masih menebal dalam kalangan mereka,” katanya pada sidang media di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Yayasan AIDS Malaysia (YAM) Jasmin Jalil, Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Kuching Gala Yazlan Yahya dan Pengarah Pemasaran & Jualan BCKK Premala Dana-pakiam.

Bob yang juga ahli Kelab Penyokong Selebriti Reben Merah berkata pada malam itu beberapa rakan selebriti akan tampil membuat persembahan

iaitu Dayang Nurfaizah, Ziana Zain, Fahrin Ahmad, Aaron Aziz dan beliau sendiri.

“Sebelum itu, penaung Kuching Gala iaitu isteri Ketua Menteri Datin Patinggi Datuk Amar akan menyampaikan ucapan utama.

“Manakala pada sebelah siangnya sambutan Hari AIDS Sedunia akan diadakan juga di BCKK, ia sarat dengan pelbagai aktiviti kesedaran selain pameran,” jelasnya.

Sementara itu Jasmin memberitahu, selepas kes pertama HIV dilaporkan di Sarawak pada 1989, jumlahnya kes dijangkiti HIV menunjukkan peningkatan ketara.

Menurutnya, 26 tahun selepas kes pertama dilaporkan, setakat Disember 2015 Sarawak merekodkan jumlah kes jangkitan HIV sebanyak 2,178, AIDS 1,339 kes dan 480 kematian berkaitan HIV/AIDS.

“Kadar jangkitan di Sarawak ialah 8.7 bagi setiap 100,000 orang pada 2015.

“Walaupun jumlah itu lebih rendah berbanding kadar kebangsaan iaitu 10.9 bagi setiap 100,000 orang, kadar jangkitan di Sarawak menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun dengan 230 kes HIV positif baharu dilaporkan tahun lalu,” katanya.

Tambahnya, kebanyakan kes jangkitan berlaku di Sarawak disebabkan aktiviti seksual tidak sihat dan 97.8 peratus kes pada tahun 2014 berpunca daripada kegiatan seks tidak sihat.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan tiket (semeja) pada harga antara RM25,000 hingga RM2,500.

Selain itu penganjur turut membuat jualan kerusi yang berharga antara RM60 hingga RM150.